Kebanyakan negara di seluruh dunia merekabentuk semula kurikulum latihan perguruan mereka untuk memberi jaminan kepada orang ramai bahawa bakal-bakal guru mereka dapat memenuhi tuntutan abad ke-21 ini (Marzano & Kendall, 2008; Ravitch, 1995). Mereka menerbitkan standard kebangsaan sebagai penanda aras untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kebolehan guru-guru dalam setiap bidang akademik yang mereka pelajari (*National Council of Teachers of English and the International Reading Association, 1995; Marzano & Kendall, 2008*).

Di Malaysia, inisiatif yang sama dilakukan oleh pihak KPM melalui transformasi pendidikan negara dengan melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu lanjutan daripada Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 . Melalui pelan ini, profesion keguruan diletakkan sebagai pilihan utama dengan meningkatkan lagi sistem latihan pra perkhidmatan dan mengetatkan lagi sistem pemilihan guru pelatih bagi memastikan guru yang benar-benar berkualiti dan berpengetahuan tinggi dilahirkan (KPM, 2007; KPM, 2012a; KPM, 2012b; KPM, 2012c).

Kurikulum latihan pra perkhidmatan di IPG disemak semula bagi memastikan guru pelatih diberi persediaan secukupnya dengan kemahiran-kemahiran abad ke-21 (IPGM,2014) dan dapat mengaplikasikannya dalam aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). PdPc adalah penambahbaikan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) sedia ada. Kaedah pengajaran secara PdPc adalah lebih dinamik dan kreatif dengan kandungan pembelajaran yang relevan dan sesuai dengan perkembangan pembelajaran abad ke-21. Dalam PdPc, guru berperanan sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong dan penilai dalam mengembangkan potensi murid secara menyeluruh dan menghasilkan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan. (Jemaah Nazir & Jaminan Kualiti (JNJK), 2016).

Penambahbaikan kurikulum pendidikan guru di IPG juga dilaksanakan bagi membantu guru pelatih mencapai tahap standard kompetensi yang setaraf dengan kurikulum pendidikan guru antarabangsa di samping melahirkan bakal guru yang lebih progresif serta mampu bersaing di pasaran global (KPM, 2009a;2012a;2014). Pengajaran dan pembelajaran di IPG tidak tertumpu kepada proses pembinaan pengetahuan semata-mata. Pihak kementerian melalui IPGM berusaha meningkatkan kualiti guru pelatih melalui pengalaman dalam latihan mengajar atau praktikum. Penambahbaikan ini dilakukan dari segi waktu mengajar yang diperuntukkan dan penglibatan guru atau pensyarah berpengalaman yang memiliki kemahiran pementoran dalam menyelia guru-guru pelatih (KPM, 2012a).

Satu bentuk pengukuran atau pentaksiran berasaskan prestasi yang sah dan boleh dipercayai perlu dihasilkan bagi menentukan tahap pencapaian guru-guru pelatih dalam mengaplikasikan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran mereka. Menurut Tucker dan Silva (2009), pentaksiran terhadap kemahiran abad-21 perlu

menggabungkan pelbagai penggunaan teknologi yang lebih luas daripada langkah-langkah berasaskan prestasi. Tumpuan pentaksiran diberikan kepada pemikiran aras tinggi seperti pemikiran kritikal, penyelesaian masalah, kemahiran berkomunikasi, literasi ICT, literasi maklumat dan literasi media (Griffin, McGaw & Care, 2012). Antara kaedah atau instrumen yang biasa digunakan bagi kebanyakan negara untuk mentaksir kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran guru pelatih adalah melalui penggunaan rubrik pemarkahan (Tucker & Silva, 2009; Silva, 2009).

Rubrik adalah satu set garis panduan pentaksiran untuk menilai hasil kerja (Wiggins, 1998) dan mentaksir prestasi terhadap tugas yang diberikan yang akhirnya membawa kepada suatu hasil pembelajaran (Mertler, 2001). Dalam konteks pendidikan guru, rubrik ditakrifkan sebagai alat penskoran atau panduan pemarkahan yang terdiri daripada set kriteria dan standard yang digunakan dalam mentaksir prestasi guru dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Jonsson & Svingby, 2007; Sabato, 2008; Pecheone & Chung, 2006). Rubrik dapat menangani kebimbangan pentaksir dengan mengenal pasti kriteria tertentu melalui skala pemarkahan (Boston, 2002). Prestasi boleh dinilai mengikut jangkaan yang telah ditetapkan dengan meletakkan sasaran prestasi yang jelas (Taggart, Phifer, Nixon & Wood, 1998). Menurut Goodrich (1997), rubrik dapat mengurangkan masa pentaksir dalam menyiapkan kerja penggredan dan memudahkan mereka untuk menjelaskan kepada guru pelatih mengapa mereka mendapat gred sedemikian dan apa yang patut mereka lakukan untuk meningkatkannya. Oleh itu, dalam kajian ini, satu alat pengukuran yang sah dan boleh dipercayai iaitu rubrik pentaksiran adalah diperlukan untuk mentaksir prestasi latihan mengajar guru-guru pelatih IPG dalam mengaplikasikan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran mereka di kelas.

1.3 Penyataan Masalah

Guru pelatih di IPG dikehendaki menguasai kemahiran-kemahiran dalam abad ke-21 melalui aktiviti PdPc seperti perbincangan, pembentangan, main peranan, tugas projek dan kerja lapangan seperti yang dijelaskan dalam pekeliling Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Program Pendidikan Guru (KPM, 2014). Bagi memastikan kemahiran tersebut sampai kepada setiap guru pelatih, pensyarah IPG dikehendaki memasukkan elemen-elemen kemahiran abad ke-21 dalam Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) melalui Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) dalam setiap subjek yang diajar. Guru pelatih dilatih untuk menguasai kemahiran abad ke-21 dengan cara menerapkan (*embedded*) kemahiran tersebut merentas kurikulum melalui aktiviti PdPc pada subjek yang diikuti (IPGM, 2016). Pihak IPGM juga menyediakan cadangan rubrik pentaksiran dengan memasukkan aspek kemahiran abad ke-21 dalam setiap tahap dalam penilaian rubrik. Walau bagaimanapun, rubrik pentaksiran yang dicadangkan hanya tertakluk kepada tugas kerja kursus dan tugas projek (IPGM, 2014;2016). Rubrik pentaksiran untuk mentaksir aspek kemahiran abad ke-21 dalam latihan mengajar tidak dinyatakan.

Pentaksiran terhadap pengaplikasian kemahiran abad ke-21 oleh guru pelatih di IPG lebih tertumpu kepada peperiksaan (Nor' Azah & Shamsiah, 2014; IPGM,2016). Pentaksiran dalam menilai prestasi pengajaran guru pelatih terhadap penggunaan aspek-aspek kritikal kemahiran abad ke-21 dalam latihan mengajar masih kurang diambil perhatian (Badrul & Nasruddin, 2016). Ia juga tidak ditekankan dalam kebanyakan program pendidikan guru (Darling-Hammond, 2006). Kajian lepas menunjukkan bahawa pentaksiran ke atas guru pelatih mengaplikasikan kemahiran abad ke-21 dalam PdP semasa latihan mengajar masih kurang mantap dan tidak

mendalam (Desveaux & Guo, 2011; Goddard, 2013; Schneider, 2007). Guru-guru pelatih tidak dilengkapi secukupnya dengan amalan pentaksiran berasaskan prestasi terutama melibatkan pentaksiran dalam kemahiran pengajaran abad ke-21 sewaktu menjalani latihan mengajar (Merryfield, 2000; Pike, 2008; Reimer & McLean, 2009; Weber, Evans, MacDonald & Ingram, 2013).

Sistem pendidikan global yang semakin berubah memerlukan alat yang lebih baik untuk mengukur pengajaran guru. Kebanyakan program pendidikan guru memberikan peluang kepada guru-guru pelatih dan juga dalam perkhidmatan untuk membangunkan sendiri rubrik pentaksiran dan menggunakannya sebagai panduan dalam mentaksir prestasi kerja mereka (Smith & Lev-Ari, 2005). Di IPG, penyeliaan dan pentaksiran ke atas pengajaran guru pelatih dalam latihan mengajar juga menggunakan rubrik yang disediakan berdasarkan garis panduan amalan professional Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) (KPM, 2009b). Namun, penekanan dalam pentaksiran latihan mengajar hanya diberikan kepada aspek perancangan dan pelaksanaan pengajaran, amalan refleksi, sikap dan sahsiah, nilai dan amalan profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, dan kemahiran pengajaran seperti yang digariskan dalam Standard Guru Malaysia (SGM) (KPM, 2009a). Konstruk-konstruk kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritikal, komunikasi, kolaborasi, kreativiti dan inovasi, literasi maklumat, media dan ICT, kemahiran kepimpinan dan sebagainya tidak dinyatakan secara jelas, tidak eksplisit dan tidak mendalam dalam rubrik pemarkahan berkenaan (Rozaini & Mohd Ali, 2015; KPM, 2009b).

Dalam proses pembinaan rubrik, timbul isu bahawa rubrik yang dihasilkan tidak diuji kesahan dan kebolehpercayaan serta kemampuan rubrik untuk mentaksir

prestasi dengan berkesan (Gandel et. al., 2009; Marzano & Kendall, 2008). Kajian oleh Bracey (1993), Lissitz dan Schafer (1993), menunjukkan bahawa terdapat kebimbangan tentang kesahan dan kebolehpercayaan yang mewajarkan satu penilaian semula ke atas rubrik pentaksiran berasaskan prestasi dilakukan. Kekurangan ujian kesahan dan kebolehpercayaan dalam rubrik pentaksiran yang dibina telah dikritik hebat (Harp,1993; Kirst, 1991; Piphoo, 1992; Shanker, 1993; Popham & Popham, 2005). Bukti kesahan dalam rubrik pentaksiran dipertikaikan dari segi kemampuan dan keupayaannya dalam mentaksir prestasi yang sebenar (Bachman ,2002).

Cohen dan Hill (2000) pula mengakui bahawa kebanyakan rubrik yang digunakan dalam mentaksir prestasi tidak menunjukkan kebolehpercayaan yang mencukupi untuk tujuan akauntabiliti luaran. Kebolehpercayaan rubrik yang tidak tepat boleh mengancam kesahihan sesuatu hasil pembelajaran (Miller, Linn & Gronlund, 2012). Hasilnya, pentaksiran yang dibuat dalam mengukur prestasi telah digambarkan sebagai tidak jelas (Shanker,1993); kabur (Piphoo, 1992); terlalu umum (Kirst, 1991); dan subjektif (Harp, 1993). Dapatan dari kajian lain juga mendapati bahawa data kebolehpercayaan terhadap rubrik pentaksiran yang dibina dalam mengukur prestasi terlalu sedikit (Baker, O'Neill & Linn,1991; Worthen, 1993), kekurangan asas (Brooks & Pokes, 1993), dan tidak meyakinkan (Barth,1993). Selain itu, kerisauan juga timbul berkaitan dengan sifat subjektif proses pentaksiran berasaskan prestasi dan kekurangan potensi kebolehpercayaan yang berkaitan dengan keputusan pentaksiran. Ini adalah kerana tanpa kriteria yang jelas dalam rubrik, dua pentaksir dengan mudah boleh mentaksir tugas berbeza pada satu masa. Isu yang timbul di sini adalah keupayaan pentaksir menilai secara konsisten sehingga pentaksiran yang dibuat mencerminkan keupayaan pelajar yang sebenar dan bukan disebabkan oleh faktor lain yang tidak berkaitan seperti berat sebelah (*bias*) oleh

pentaksir. Para penyelidik mengakui bahawa pentaksiran yang dibuat oleh pentaksir terhadap pelajar yang sama mempunyai elemen subjektiviti dan pertimbangan yang sering berubah (Eckes, 2009; Lissitz & Schafer, 2008).

Berdasarkan perkembangan semasa terdapat beberapa model pengukuran yang boleh diguna pakai dalam mengkaji kebolehpercayaan dan kesahan rubrik pentaksiran berasaskan prestasi serta mampu menangani keadaan pentaksiran yang kompleks (Linn, Baker & Dunbar, 1991; Messick, 1995; Miller & Linn, 2000). Pembentukan model pengukuran Rasch (Rasch, 1960) berdasarkan Teori Respon Item (IRT) mempunyai beberapa kelebihan berbanding model Teori Ujian Klasikal (CTT) (Kashfi Mohd Jailani, 2011). Berbeza dengan pendekatan CTT, model Rasch menyediakan metodologi pentaksiran alternatif yang berupaya menjangkakan kriteria seseorang dan ujian yang diambil berdasarkan pemerhatian yang dibuat semasa pelaksanaan ujian. Namun, situasi pengukuran menjadi semakin sukar apabila aspek-aspek lain juga turut terlibat dalam ujian selain kemampuan pengambil ujian dan kesukaran ujian. Antara aspek yang sering kali mempengaruhi dalam pentaksiran berasaskan prestasi adalah ketegasan pentaksir dalam memberi markah (Engelhard & Myford, 2004a).

Bagi memastikan pentaksiran yang dibuat dalam menilai prestasi mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan daripada aspek pengambil ujian, item dan pentaksir, pembentukan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset (*Multi Facet Rasch Model-MRFM*) oleh Linacre (1989) mengembangkan lagi potensi dalam penyelidikan dengan mengambil kira pelbagai sumber yang terlibat dalam konteks pentaksiran berasaskan prestasi. MRFM adalah salah satu daripada beberapa model yang dibangunkan di dalam IRT dan penambaikan kepada model Rasch yang sedia ada

yang dikatakan terlalu '*simplistic*'. Skor ujian yang dianalisis MFRM dipercayai mampu untuk menjangkakan kemampuan pengambil ujian dengan lebih tepat. Ini adalah kerana MFRM membenarkan pengambil ujian diagihkan berdasarkan kemampuan mereka secara bebas daripada aspek-aspek lain seperti kesukaran ujian atau tugas dan pentaksir (Engelhard & Myford, 2004a). Skor mentah pengambil ujian disesuaikan dengan kesukaran ujian dan ketegasan pentaksir (Linacre, 2004). Rasionalnya menggunakan MFRM sebagai model pengukuran dalam pembinaan rubrik adalah kerana kelebihanannya dalam menyediakan satu kerangka rujukan bagi mengukur kesemua aspek dalam pentaksir yang mempunyai ketegasan yang berbeza apabila melakukan pentaksiran (Lunz, Wright & Linacre, 1990).

Penggunaan rubrik sebagai salah satu alat pengukuran dalam mentaksir prestasi dapat menyelesaikan banyak kerja tekaan atau ramalan dalam penyelesaian aktiviti pembelajaran dan menghapuskan kerja-kerja jangkaan dalam pentaksiran berasaskan prestasi (Wiggins, 1998). Namun, permasalahan yang timbul dalam kajian ini adalah berkaitan dengan rubrik yang dibina dan digunakan untuk mentaksir prestasi kemahiran abad ke-21 guru pelatih IPG dalam latihan mengajar ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan daripada aspek guru pelatih, item pentaksiran dan pentaksir dan sejauh mana perbezaan ketegasan pentaksir dalam mengukur prestasi guru pelatih ini secara konsisten. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada proses pembinaan rubrik latihan mengajar berasaskan kemahiran abad ke-21 dan menguji kesahan dan kebolehpercayaan rubrik pentaksiran yang dibina menggunakan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian bertujuan membina rubrik pentaksiran berasaskan prestasi untuk guru pelatih IPG bagi menilai prestasi kemahiran abad ke-21 dalam latihan mengajar. Seterusnya, kajian menilai ciri-ciri psikometrik rubrik berkenaan melalui kerangka pengukuran MFRM.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian secara khususnya adalah;

1. untuk membina sebuah rubrik pentaksiran berasaskan prestasi kemahiran abad ke-21 bagi guru pelatih IPG dalam latihan mengajar.
2. untuk menguji ciri-ciri psikometrik rubrik pentaksiran yang dibina melalui penggunaan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset (MFRM).

1.6 Soalan Kajian

Kajian ini menjawab soalan-soalan seperti berikut berdasarkan objektif khusus kajian;

1. Adakah rubrik pentaksiran yang dibina bersesuaian untuk mentaksir prestasi kemahiran abad ke-21 guru pelatih IPG semasa latihan mengajar?
 - a. Apakah konstruk-konstruk kemahiran abad ke-21 dalam rubrik pentaksiran yang sesuai untuk mengukur prestasi guru pelatih IPG dalam latihan mengajar?

- b. Apakah item-item pentaksiran kemahiran abad ke-21 dalam rubrik pentaksiran yang sesuai untuk mengukur prestasi guru pelatih IPG dalam latihan mengajar?
2. Adakah rubrik pentaksiran berasaskan prestasi kemahiran abad ke-21 guru pelatih dalam latihan mengajar yang dibina memenuhi ciri-ciri psikometrik sebagai sebuah instrumen yang sah dan boleh dipercayai?
 - a. Sejauh manakah ketegasan pentaksir dalam mentaksir guru pelatih IPG semasa latihan mengajar menggunakan rubrik yang dibina?
 - b. Sejauh manakah keupayaan guru-guru pelatih IPG berbeza dalam pengajaran semasa menjalani latihan mengajar?
 - c. Sejauh manakah kesukaran item-item pentaksiran dalam rubrik berbeza dalam mentaksir prestasi kemahiran abad ke-21 guru pelatih IPG?
 - d. Sejauh manakah kefungsian skala pemeringkatan rubrik pentaksiran prestasi yang digunakan?
 - e. Sejauh manakah hubungan linear antara ketiga-tiga faset pentaksiran iaitu guru pelatih, item pentaksiran dan pentaksir?
 - f. Sejauh manakah kesan interaksi *bias* antara pentaksir dengan guru pelatih IPG terhadap penilaian yang diberikan?

1.7 Signifikan Kajian

Pembentukan rubrik pentaksiran berasaskan prestasi latihan mengajar berasaskan kemahiran abad ke-21 adalah sesuatu yang baru bagi KPM terutama kepada IPG. Pembinaan rubrik pentaksiran ini adalah penambahbaikan kepada rubrik pentaksiran latihan mengajar yang sedia ada, yang dapat menyediakan bakal-bakal guru dengan kemahiran mengajar abad ke-21 seperti mana yang dititik beratkan oleh pihak KPM dalam sistem pendidikan melalui transformasi pentaksiran negara.

Rubrik standard pentaksiran kemahiran abad ke-21 telah dibina oleh *Partnership for 21 Century Skills* (P21, 2004a); *North Central Regional Education Laboratory* (NCREL) & *The Metiri Group* (enGauge) (Lemke, 2002); *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD, 2004); *National Assessment of Educational Progress* (NAEP, 2012); *International Society for Technology in Education* (ISTE, 2007); UNESCO (1991); *Assessment and Teaching of 21st Century Skills* (ATC21S, 2010), *The National Research Council* (NRC, 2012) dan *AASL Standards for the 21st Century Learner* (2007). Rubrik ini telah dijadikan sebagai rujukan utama oleh guru dalam mentaksir kemahiran abad ke-21 di Amerika Syarikat. Namun, rubrik tersebut tidak menjurus kepada pentaksiran berasaskan prestasi latihan mengajar guru-guru pra perkhidmatan. Walau bagaimanapun, aspek-aspek utama kemahiran abad ke-21 dalam rangka kerja rubrik tersebut seperti pembelajaran dan inovasi, kemahiran teknologi maklumat dan media, dan kemahiran kerjaya dan kehidupan sesuai digunakan sebagai panduan dalam konteks Malaysia memandangkan sistem pendidikan Malaysia yang sedia ada mengetengahkan peranan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran selain melahirkan warganegara yang dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

Dari aspek metodologi, kajian ini mengaplikasikan model statistik yang terbukti keberkesannya dengan menyediakan satu kerangka untuk memeriksa kualiti psikometrik bagi menghasilkan pengukuran yang adil. Penggunaan MFRM sebagai salah satu model dalam penilaian rubrik pentaksiran yang melibatkan pelbagai facet dalam pentaksiran berasaskan prestasi memberi nilai tambah kepada kajian ini berbanding kajian-kajian pembinaan instrumen yang lain.

Melalui kajian ini juga, maka rubrik yang telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya untuk mengukur dan mentaksir prestasi guru-guru pelatih IPG dalam melaksanakan latihan mengajar berasaskan kemahiran abad ke-21 dapat digunakan oleh pelbagai pihak terutama bagi pensyarah-pensyarah IPG dalam mempraktikkan pentaksiran bersama-sama dengan guru-guru pembimbing di sekolah. Pembinaan rubrik pentaksiran yang baru ini menyediakan satu cara untuk mentaksir latihan mengajar yang lebih kreatif ke atas guru-guru pelatih.

Hasil dapatan dari kajian yang dijalankan dengan menggunakan rubrik yang dibangunkan dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang ada pada pentaksir dalam proses pentaksiran latihan mengajar di sekolah. Dengan itu, suatu bentuk latihan dapat dibentuk berdasarkan dapatan tersebut bagi menangani kelemahan yang dikenal pasti. Hasil kajian juga dapat dijadikan asas kepada usaha menambah baik sistem pentaksiran berasaskan prestasi dalam pengukuran dan penilaian program latihan perguruan di Malaysia.

1.8 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan dalam kajian ini iaitu pertama, kajian ini hanya terbatas kepada guru-guru pelatih IPG yang ditugaskan untuk menjalani latihan mengajar di sekolah rendah di Malaysia. Kedua, pentaksir yang mengambil bahagian dalam kajian adalah terdiri dalam kalangan pensyarah IPG sahaja. Oleh itu, dapatan kajian dari pentaksiran berasaskan prestasi latihan mengajar yang dilakukan oleh pentaksir tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pentaksir atau guru pembimbing latihan mengajar di Malaysia. Begitu juga dengan kefahaman pentaksir mengenai kriteria pemarkahan adalah berbeza kemungkinan berpunca daripada pengetahuan, komitmen atau kepakaran yang dimiliki.

Ketiga, responden kajian melibatkan guru pelatih semester tujuh sahaja kerana latihan mengajar dijalankan pada semester berkenaan selama tiga bulan. Keempat, kajian tertumpu kepada faset-faset ketegasan pentaksir, keupayaan guru pelatih dan kesukaran item pentaksiran dalam membuktikan kesahan dan kebolehpercayaan rubrik pentaksiran yang dibina. Namun masih terdapat juga faset-faset lain seperti faset persekitaran dan facet masa yang berpotensi dalam mempengaruhi pembinaan rubrik. Oleh kerana batasan dari segi objektif kajian, faset-faset tersebut tidak dikaji.

1.9 Definisi Istilah dan Operasional Kajian

1.9.1 Kemahiran Abad Ke-21

Dalam kajian ini, konstruk kemahiran abad ke-21 yang ditaksir ke atas guru pelatih IPG semasa menjalani latihan mengajar adalah pemikiran kritis, komunikasi dan kolaborasi, kreativiti dan inovasi, penyesuaian diri dan motivasi, regulasi sendiri dan metakognisi, literasi maklumat, media dan ICT, tanggungjawab sosial dan kepimpinan. Konstruk-konstruk ini dipilih melalui konsepsualisasi dan operasionalisasi lima kerangka kemahiran abad ke-21 iaitu *Partnership for 21 Century Skills* (P21), *The National Research Council* (NRC), *Assessment and Teaching of 21st Century Skills* (ATC21S), *North Central Regional Education Laboratory* (NCREL) & *The Metiri Group* (enGauge) dan *International Society for Technology in Education* (ISTE).

1.9.2 Latihan Mengajar

Konsep latihan mengajar adalah satu siri pengalaman praktik dan sistematik yang berasaskan sekolah bertujuan membantu guru pelatih menjadi guru permulaan yang lebih berkesan (Bahagian Pendidikan Guru, 1994). Dalam kajian ini, latihan mengajar merujuk kepada program latihan amali atau praktikum yang dianjurkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) di seluruh kampus cawangan IPG(IPGK) dalam Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Ia merupakan salah satu daripada syarat wajib kepada bakal guru bagi mendapatkan kelayakan untuk menjadi guru yang terlatih. Fokus latihan mengajar dalam kajian ini adalah kepada latihan mengajar Fasa 3 yang melibatkan guru pelatih semester tujuh.

1.9.3 Guru Pelatih IPG

Dalam konteks kajian ini, guru pelatih IPG merujuk kepada pelajar PISMP tahun keempat yang mengikuti latihan mengajar fasa yang ke-3 iaitu selama 12 minggu di sekolah rendah yang ditetapkan oleh pihak pengurusan IPG kampus masing-masing. Guru-guru pelatih ini dipilih dari tiga kampus IPGM Zon Utara Semenanjung Malaysia untuk dijadikan sampel kajian ini.

1.9.4 Pentaksir (*Raters*)

Pentaksir adalah individu yang memainkan peranan penting dalam pentaksiran berasaskan prestasi, kerana mereka adalah penghubung antara pengambil ujian *test-takers* dan markah yang dianugerahkan (Lim, 2009). Dalam kajian ini, pentaksir merujuk kepada pensyarah pembimbing atau pensyarah penyelia yang dilantik oleh IPG kampus cawangan masing-masing untuk menyelia dan melakukan pentaksiran ke atas prestasi guru pelatih dalam latihan mengajar. Pentaksir ini dipilih dari tiga kampus IPGM Zon Utara Semenanjung Malaysia iaitu seramai sembilan orang untuk dijadikan sampel kajian ini.

1.9.5 Pentaksiran Berasaskan Prestasi Kemahiran Abad Ke-21

Dalam konteks kajian, pentaksiran berasaskan prestasi merujuk kepada pentaksiran yang dilakukan oleh pentaksir ke atas guru-guru pelatih IPG semasa latihan mengajar bagi mengukur prestasi mereka mengamalkan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran. Pentaksiran adalah bertujuan untuk menentukan kualiti prestasi kemahiran abad ke-21 guru pelatih IPG semasa aktiviti PdPc mereka di dalam kelas.

1.9.6 Rubrik Pentaksiran Berasaskan Prestasi

Dalam kajian ini, rubrik pentaksiran berasaskan prestasi merujuk kepada rubrik analitik yakni rubrik yang dipisahkan skornya kepada bahagian-bahagian tertentu dan mengandungi penerangan terperinci untuk menilai prestasi (Moskal, 2000; Nitko, 2001). Rubrik pentaksiran berasaskan prestasi yang dibina adalah bertujuan untuk mentaksir prestasi kemahiran abad ke-21 guru pelatih IPG dalam latihan mengajar. Rubrik ini mengandungi lapan konstruk kemahiran abad ke-21 untuk ditaksir dan kelapan-lapan konstruk ini diserapkan dalam proses pengajaran guru pelatih.

1.9.7 Prestasi Guru Pelatih Dalam Latihan Mengajar

Kajian ini adalah untuk melihat prestasi kemahiran abad ke-21 guru pelatih IPG semasa melaksanakan pengajaran mereka di dalam kelas. Prestasi ini merujuk kepada guru pelatih itu sendiri dalam mengamalkan kemahiran abad ke-21 dalam aktiviti PdPc dan bukan untuk menilai guru pelatih mengajar kemahiran abad ke-21 kepada murid-muridnya.

1.9.8 Model Pengukuran Rasch Pelbagai Facet (MFRM)

Dalam kajian ini, model pengukuran merujuk kepada Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset (MFRM) yang digunakan untuk mengkaji keupayaan guru pelatih, kesukaran item pentaksiran dan ketegasan pentaksir dalam mentaksir prestasi kemahiran abad ke-21 guru pelatih IPG dalam pengajaran. MFRM adalah penambahan kepada model Rasch yang membolehkan penyelidik untuk menambahkan lagi pelbagai aspek pentaksiran kepada kebolehan seseorang dan

kesukaran item serta menempatkannya pada skala logit yang sama untuk perbandingan (McNamara, 2000).

1.10 Kesimpulan

Bab ini membicarakan beberapa aspek penting seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan, objektif, persoalan kajian, signifikan, batasan dan operasional kajian yang mendorong kepada pembentukan satu instrumen yang sah dan boleh dipercayai iaitu rubrik pentaksiran bagi mengukur prestasi kemahiran abad ke-21 guru pelatih IPG dalam latihan mengajar. Kemahiran abad ke-21 adalah antara kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru pelatih ini sebelum melangkah ke alam pekerjaan sebenar sebagai guru yang profesional kerana mereka bertanggungjawab dalam menyediakan murid-murid yang dapat berfungsi serta dapat bersaing di peringkat global.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bahagian ini menghuraikan sorotan kajian literatur serta analisis dapatan kajian-kajian yang berkaitan dengan permasalahan kajian. Perbincangan dalam bab ini tertumpu kepada topik-topik yang berkaitan dengan konsep pengukuran, pentaksiran dan penilaian, pentaksiran berasaskan prestasi, isu-isu psikometrik dalam pentaksiran berasaskan prestasi, penggunaan rubrik dalam pentaksiran berasaskan prestasi, proses dan model pembinaan rubrik, pentaksiran kemahiran abad ke-21, pentaksiran dalam latihan mengajar, teori-teori pengukuran, Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset(MFRM), kesan pengaruh pentaksir dan penyelidikan lepas berkaitan penggunaan MFRM dalam pentaksiran berasaskan prestasi. Seterusnya bab ini juga memberi tumpuan kepada penerangan kerangka teori dan kerangka konseptual yang berkaitan dengan kajian ini.

2.2 Konsep Pengukuran, Pentaksiran dan Penilaian

Sebelum topik-topik dalam penyelidikan kajian diperbincangkan dengan lebih terperinci, konsep-konsep asas berkaitan dengan pengukuran, pentaksiran dan penilaian perlu diperjelaskan terlebih dahulu. Terma untuk pengukuran, pentaksiran dan penilaian sering kali disalah erti dan mudah keliru dalam kalangan penyelidik

kerana konsep ini terlibat dalam proses yang tunggal (Miller, Linn, & Gronlund, 2012).

Pengukuran adalah proses memberikan angka kepada objek, kuantiti atau kejadian dalam memberi makna kuantitatif. Dalam kata lain pengukuran adalah suatu proses memperolehi huraian secara perangkaan tentang sesuatu ciri yang di miliki oleh seseorang individu (Miller, Linn, & Gronlund, 2012). Pengukuran tidak membuat pertimbangan nilai ke atas prestasi pelajar (Mokhtar, 1995; Oguniyi, 1984) dan tidak mutlak (Cook, 1966). Sebagai contoh, mengukur kecerdasan seseorang adalah lebih sukar dan tidak dapat dilakukan dengan tepat berbanding pengukuran ketinggian seseorang yang menggunakan peralatan ukur seperti pembaris. Begitu juga dengan pelajar yang mendapat skor 100 tidak boleh dianggap sebagai mempunyai pengetahuan dua kali ganda berbanding pelajar yang memperolehi skor 50 walaupun skor 100 adalah dua kali skor 50.

Seterusnya pentaksiran adalah istilah umum merangkumi rangkaian penuh prosedur yang digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai prestasi dan pembentukan pertimbangan nilai tentang kemajuan pembelajaran (Miller, Linn, & Gronlund, 2012). Ia termasuklah pemerhatian, penilaian prestasi atau projek dan laporan penilaian sendiri. Ujian adalah salah satu jenis pentaksiran yang biasanya digunakan yang terdiri daripada set soalan diberikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pengujian dan pentaksiran adalah dua terma yang sering digunakan bersama bagi mendapatkan maklumat prestasi yang lebih luas.

Penilaian pula adalah anggaran bernilai sesuatu perkara, proses atau program untuk mencapai keputusan yang bermakna (Miller, Linn, & Gronlund, 2012). Definisi

lain bagi penilaian adalah (i) satu proses sistematik untuk menentukan hasil sebenar dan juga melibatkan penghakiman dalam apa jua hasil yang ditunjukkan (Travers, 1959); (ii) proses menentukan keputusan, memilih maklumat yang sesuai, mengumpul dan menganalisa maklumat dalam usaha untuk melaporkan ringkasan data yang berguna kepada pembuat keputusan (Alkin, 1970) dan (iii) proses menyenaraikan, memperolehi dan menyediakan maklumat berguna sebagai alternatif dalam pembuatan keputusan (Stufflebeam, 1971). Gay (1985) pula berpendapat bahawa penilaian ialah satu proses yang dianggap sistematik semasa mengumpul dan menganalisis data bagi menentukan sama ada sesuatu objektif yang telah ditetapkan itu telah tercapai.

Kesimpulannya pentaksiran adalah lebih komprehensif dan inklusif daripada pengukuran atau penilaian. Huraian merangkumi kesemua nilai kuantitatif dan juga kualitatif. Pentaksiran sentiasa memberikan pertimbangan nilai tentang perlunya sesuatu keputusan (Miller, Linn, & Gronlund, 2012). Manakala bagi terma pengukuran pula ia adalah terhad kepada diskriptif kuantitatif yang mana keputusan biasanya dinyatakan dalam penomboran. Ia tidak termasuk huraian kualitatif mengenai nilai keputusan yang diperolehi dari penilaian yang diberikan.

2.3 Pentaksiran Berasaskan Prestasi

Sejarah pentaksiran berasaskan prestasi didokumenkan oleh Madaus dan O'Dwyer (1999) yang menjelaskan bahawa pentaksiran berasaskan prestasi digunakan oleh orang Cina seawal 210 SM dalam mentaksir tingkah laku. Oleh kerana tuntutan semasa yang mementingkan penguasaan kemahiran, pentaksiran berasaskan prestasi menjadi satu kaedah baru dalam menilai pencapaian akademik pelajar dan keupayaan

guru dalam pengajaran (Madaus & O 'Dwyer,1999). Menurut Eisner (1999) pentaksiran prestasi adalah pembangunan yang paling penting dalam sejarah penilaian dan pentaksiran sejak terciptanya ujian jawapan pendek. Pembaharuan dalam pendidikan memerlukan guru untuk mengumpul lebih banyak maklumat mengenai keupayaan pelajar yang benar-benar dapat melaksanakan kemahiran yang dipelajari.

Pelbagai definisi dan takrifan yang diberikan oleh penyelidik dalam menjelaskan maksud pentaksiran berasaskan prestasi. Airasian (2001) mendefinisikan pentaksiran berasaskan prestasi sebagai penilaian ke atas individu yang menjalankan suatu aktiviti atau mengeluarkan produk yang dipelajari oleh mereka. Manakala Gronlund (1998) pula mendefinisikan pentaksiran berasaskan prestasi sebagai penilaian yang memerlukan seseorang menunjukkan pencapaian mereka melalui kefahaman dan kemahiran yang mereka pelajari melalui tugas yang diterima. Wiggins (1998) mentakrifkan pentaksiran berasaskan prestasi sebagai analisis prestasi yang komprehensif, pelbagai rupa (*multifaceted*) dan berdasarkan penghakiman manakala Khattri dan Sweet (1996) pula mentakrifkan pentaksiran berasaskan prestasi sebagai suatu jenis taksiran yang memerlukan seseorang untuk melakukan, mendemonstrasi, membina, membangunkan produk atau penyelesaian di bawah syarat-syarat dan piawaian yang ditetapkan. Pentaksiran berasaskan prestasi perlu dilihat sebagai satu istilah yang lebih luas yang merangkumi proses memungut, mensintesis, dan mentafsir maklumat sama ada rasmi atau tidak rasmi (Gay & Airasian, 2000)

Terdapat istilah lain yang biasa digunakan untuk pentaksiran berasaskan prestasi seperti "pentaksiran alternatif" iaitu kaedah penilaian yang disediakan sebagai